



CMCF Sahut Seruan Untuk Pengawalseliaan Kendiri Pempengaruh

CYBERJAYA, 7 FEBRUARI 2024 - Sebagai respons terhadap seruan Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil yang menggesa pempengaruh untuk mengamalkan kawal selia kendiri dan menerbitkan kandungan dengan bertanggungjawab, CMCF ingin menekankan kepentingan untuk menerapkan amalan beretika dan berhemah dalam menghasilkan sebarang kandungan.

Kami sedar akan impak besar pempengaruh dalam ekosistem pengiklanan dan penciptaan kandungan dan kami amat hargai sumbangan mereka dalam industri yang kian membangun ini. Sebagai pendukung kuat pengawalseliaan kendiri, CMCF menyokong penuh gesaan Menteri agar pempengaruh memikul tanggungjawab sendiri dalam mencipta kandungan yang menarik dan dalam masa yang sama bertanggungjawab dan beretika. Ia merangkumi pematuhan pada garis panduan lengkap yang terdapat dalam Kod Kandungan seperti mematuhi piawaian pengiklanan yang telah ditetapkan, termasuklah peraturan penting seperti ketelusan dalam berkongsi kandungan yang dibayar.

Pengawalseliaan kendiri adalah tunjang utama kami di CMCF dan ia selari dengan keadaan semasa di seluruh dunia di mana industri dan komuniti diberi kepercayaan dan diperkasakan untuk mengawal selia amalan masing-masing berdasarkan piawaian yang ditetapkan. Dengan Kod Kandungan sebagai tonggak, kami melaksanakan mekanisme akauntabiliti yang mantap, melibatkan Biro Aduan, bagi memastikan pemain industri patuh pada dasar yang telah dipersetujui dan ditetapkan.

CMCF akan terus berganding bahu dengan kerajaan dan pempengaruh ke arah penciptaan kandungan yang bertanggungjawab dan memupuk persekitaran dalam talian yang lebih selamat.

Untuk mencapai matlamat ini, kami menyahut seruan pempengaruh agar Kod Kandungan dipermudahkan dalam satu panduan tambahan khas untuk golongan pempengaruh. Justeru, kami sedang membangunkan 'Buku Panduan Pempengaruh,' dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk para pempengaruh dan *Key Opinion Leaders (KOL)*. Buku panduan ini akan menjadi garis panduan ringkas sebagai rujukan mudah bagi pempengaruh untuk mendapat penjelasan dan pemahaman terhadap peraturan yang termaktub dalam Kod Kandungan.

Pada separuh kedua 2024, kami akan melancarkan *Request for Comment (RFC)* (Permohonan Ulasan) daripada pempengaruh untuk memastikan pandangan mereka menjadi teras dalam penghasilan dokumen yang komprehensif dan mudah difahami kelak. Melalui penglibatan aktif pempengaruh dalam pembikinan buku panduan ini, kami berazam untuk menerbitkan satu sumber rujukan yang selari dengan keperluan mereka dan memudahkan pematuhan terhadap garis panduan beretika.

Dalam membuat dasar, tunggak falsafah kami ialah keterlibatan pelbagai pihak yang berkepentingan. Kami percaya bahawa mereka yang terkesan dengan polisi harus mempunyai suara dalam pembikinannya. Justeru, kami membuka pintu seluas-luasnya kepada pempengaruh dan pemegang taruh untuk menyertai CMCF dalam menyumbang buah fikiran dalam perbincangan dasar dan termaklum dengan amalan terbaik.

Keselamatan Kanak-Kanak Dalam Talian

Berkenaan kenyataan Menteri yang menggesa ibu bapa untuk memantau kandungan media sosial yang terdedah kepada anak-anak mereka, CMCF giat menumpukan tenaga dalam menggalakkan literasi digital dan kelakuan berhemat dalam talian, terutamanya kandungan berkaitan kanak-kanak. Bukan itu sahaja, kesedaran dan pemerkasaan ibu bapa juga penting dalam melindungi kanak-kanak daripada kandungan yang berisiko. Dalam usaha mencapai matlamat ini, kami menggalakkan perbincangan bersama kanak-kanak dengan nada yang sesuai dengan usia mereka untuk meningkatkan kesedaran tentang kandungan berbahaya dan memastikan mereka selamat di alam maya.

Untuk memperkuuh Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian di Malaysia, kami menyarankan usahasama antara semua pihak bagi pembangunan rangka kerja yang lengkap dan pelan tindakan kebangsaan yang merangkumi tindakan undang-undang, kempen kesedaran dan kerjasama dengan syarikat teknologi. Kami percaya bahawa pendekatan melibatkan pemegang taruh yang pelbagai termasuklah ibu bapa, pendidik dan kanak-kanak adalah mustahak dalam mencipta rangka kerja yang terangkum dan berkesan.

Kami menjemput semua pempengaruh, ibu bapa dan masyarakat untuk menyertai CMCF dalam inisiatif pembentukan dasar dan terus termaklum tentang amalan terbaik tentang semua jenis kandungan.

**Mediha Mahmood
Ketua Pegawai Eksekutif CMCF
7 Februari 2024**

TENTANG CMCF

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) ialah organisasi kawal selia kendiri yang bebas yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebagai forum industri yang ditetapkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA'98) untuk menyelia dan menggalakkan pengawalseliaan kendiri kandungan melalui medium rangkaian elektronik. Forum Kandungan terdiri daripada pemain utama industri kandungan iaitu pengiklan, agensi pengiklanan, penyiar, pencipta/pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan pengehos teks audio, agensi pengiklanan, penyedia perkhidmatan internet dan kumpulan sivik.

Bertujuan untuk memudahkan kawal selia kendiri, yang menyediakan lapisan tambahan perlindungan pengguna yang melengkapkan rangka kerja undang-undang, CMCF tekad untuk mentadbir dan mempromosikan penciptaan, pengedaran dan penggunaan kandungan rangkaian elektronik.

Sebagai forum industri, CMCF terdiri daripada ahli utama industri kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, pencipta kandungan, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik. Perwakilan pengamal industri yang dinamik dan teguh ini memastikan piawaian kandungan terus dibangunkan dengan objektif untuk mewujudkan gelanggang yang sama rata dalam industri.

CMCF bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“Kod Kandungan”). Kod Kandungan telah disediakan oleh CMCF dan pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004 dan telah diperbaharui pada tahun 2022. Kod Kandungan adalah sumber utama bagi pengawalseliaan kendiri industri kerana ia mengandungi piawaian pentadbiran dan amalan terbaik untuk penyebaran kandungan dalam komunikasi dan industri multimedia di Malaysia. Objektif utama Kod Kandungan adalah untuk menggariskan tatacara kawal selia kendiri yang menyediakan platform untuk kreativiti, inovasi dan pertumbuhan sihat industri yang berkembang pesat.

CMCF menempatkan Biro Aduan yang diberi kuasa untuk menangani semua aduan berkaitan kandungan yang disebarluaskan melalui rangkaian elektronik. Biro Aduan diberi kuasa untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran Kod Kandungan, menguruskan pertikaian, mengadili kes, mengeluarkan arahan dan mengenakan sekatan jika perlu. Biro Aduan menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam. Selain itu, ia memainkan peranan untuk menyediakan nasihat kepada mana-mana pihak yang memerlukan panduan tentang hal berkaitan kandungan elektronik.

Dikeluarkan oleh GO Communications bagi pihak CMCF

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

GO Communications

Lim Huei Yuih, Brand Director

+6012 635 3278 hueiyuih@gocomm.com.my

Anis Jilid, Associate Brand Manager

+6011 1233 9022 anis@gocomm.com.my
